

31/01/1997

Peraturan siber dan semangat syariah

Abdurrahman Haqqi

LANGKAH awal ke arah proses reformasi undang-undang negara dengan mewujudkan common law Malaysia serta menerapkan undang-undang syariah di dalamnya telah dimulai pada akhir tahun 1994. Salah satu produknya ketika itu adalah penghapusan sistem juri dan ini diterima dengan hati lega oleh hakim. Dengan penghapusan sistem juri itu, `keperkasaan' hakim timbul semula selepas terbenam oleh `penjajahan' keputusan juri terhadap kemandirian interpretasi hakim ke atas undang-undang yang berkaitan dengan perkara yang sedang ia bicarakan.

Dalam sistem bicara menggunakan juri, kadang kala hakim terpaksa memberi ringkasan kepada juri sebelum perbicaraan suatu kes dimulakan. Hasilnya, seandainya ada kes yang tidak meyakinkan sehingga juri masih ada keraguan atas tuduhan benar-tidaknya tertuduh melakukan kejahatan, juri akan memutuskan `tidak bersalah'. Tetapi, bila keyakinan juri mengatasi keraguannya bahawa tertuduh memang melakukan kejahatan, keputusan `bersalah' akan dijatuhkan. Ini bermakna juri harus berasa puas dan yakin terlebih dahulu tertuduh bersalah atau tidak bersalah di sisi hakim hanya menjadi jurucakap juri.

Tetapi, bagaimana kalau ada percanggahan antara keyakinan hakim dan juri? Adakah penegakan hukum di sini mesti dari segi undang-undang atau fakta? Tetap, hakim mesti menjadi pak turut juri. Bukankah ini bererti kemandirian hakim tersunat? Hanya hakim yang boleh menjawabnya. Di samping itu bukankah hakim dilantik untuk memberikan keputusan perbicaraan dan bukannya juri? Jadi, mengapa mesti hakim merujuk kepada juri sedangkan juri sendiri kadangkala masih sukar untuk membezakan antara fakta dan undang-undang. Mestikah orang yang mengerti bertanya kepada orang yang tidak mengerti? Terbaliklah dunia kita ini.

Isu yang sedang hangat dibicarakan sekarang adalah pembuatan undang-undang siber yang selari timbulnya dengan keazaman kerajaan dalam menerajui Koridor Raya Multi media (MSC) dan menjadikannya salah satu matlamat kebangsaan dalam menuju era alaf baru.

Apa yang dikhuatiri dalam menghadapi realiti globalisasi adalah semakin terdedahnya penghuni dunia secara keseluruhannya dengan keperkasaan teknologi maklumat (IT) sehingga tidak ada satu jengkal pun daripada kisah dalam sesebuah tempat di dunia ini melainkan bibir dan otak mereka membicarakan dan mempedulikannya. Hal itu akan lebih semarak bahkan mempengaruhi perjalanan hidup sesebuah komuniti apabila ia dijadikan isu yang memihak kepada kepentingan pihak-pihak tertentu. Tentunya dalam hal ini, pelaku-pelaku sejarah dunia moden dari komunti Barat akan lebih banyak memperoleh keuntungan. Sebagai bukti, cuba perhatikan kepincangan-kepincangan dalam melaksanakan kuasa politik, ekonomi, ketenteraan, teknologi, sosial dan budaya masyarakat dunia yang didominasi insan Barat yang kadangkala sukar untuk dimengerti dan difahami.

Untuk mengimbangi fenomena di atas, salah satu langkah berjaga-jaga yang mesti diambil adalah memperukuh jati diri bangsa dan negara dengan penguatkuasaan undang-undangnya. Undang-undang siber acuan Malaysia yang diperkatakan pada akhir-akhir ini khasnya selepas `Misi MSC' Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Amerika dan Jepun memang sudah menjadi keperluan sebagai sebuah jangkakan akan berlakunya konflik dan pertelagahan kepentingan koridor multi media antarabangsa.

Di sini ijtihad penggubal undang-undang kita diuji lagi. Iltizam dan kesetiaan mereka terhadap cita-cita negara mewujudkan Common Law Malaysia

yang disebut di permulaan tulisan ini diuji. Common Law Malaysia dengan pengertian wujudnya kumpulan undang-undang yang diperkembangkan oleh hakim Malaysia daripada adat umum di Malaysia.

Perlu dicatat di sini bahawa langkah Mahkamah Sivil akhir-akhir ini memberi pengiktirafan dan keputusan berpandukan prinsip hukum syarak membuktikan hukum syarak telah diterima sebagai Common Law Malaysia.

Dalam undang-undang siber acuan Malaysia tentunya prinsip-prinsip syariah seperti amar makruf nahi mungkar, la darar wala dirar atau tidak mudarat dan memudaratkan, sas az-zara'i atau mengehadkan merebaknya celah-celah yang membawa kepada kehancuran serta kaedah fa' al-mafsadah wa jaib al-mafa'ah atau menolak kerosakan dan menciptakan kemaslahatan mesti diambil kira dan dijadikan landasan utama pengubalan.

Pertanyaan sekarang ialah siapakah pengamal undang-undang sama ada yang tidak berada mahupun yang berada di dalam fakulti undang-undang di institusi pengajian tinggi Malaysia khususnya Kuliyah Undang-Undang UIAM yang dari permulaan penubuhannya telah mengintegrasikan pengajaran undang-undang sivil dan syariah, menjadi jentera Malaysianisasi undang-undang di negeri sendiri? Malaysianisasi undang-undang dengan pengertian penerapan undang-undang syariah di dalam common law Malaysia yang di dalamnya ada undang-undang siber Malaysia.

Setinggi-tinggi harapan hanyalah pada Tuhan Yang Maha Kuasa jua!

(END)